

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 42

Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengumumkan pakej stimulasi kewangan bagi merangsangkan kembali ekonomi Malaysia yang semakin merundum semenjak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk mengumumkan sebarang pakej stimulasi kewangan memandangkan kedudukan ekonomi Malaysia masih kekal kukuh walaupun terdapat pelbagai cabaran domestik dan luar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar tahun 2019 dijangka berkembang 4.9 peratus berbanding 4.8 peratus bagi tahun 2018. Namun begitu, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi perdagangan terbuka turut terdedah kepada risiko ketidaktentuan ekonomi global berikutan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak terutamanya antara Amerika Syarikat dan China serta aliran keluar modal dari ekonomi yang berkembang pesat akibat ketidaktentuan dasar ekonomi antarabangsa seperti Brexit. Untuk itu, pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global tahun 2019 pada bulan Julai 2018 dianjurkan 3.9 peratus, kemudiannya pada Oktober 2018 diturunkan ke 3.7 peratus pada Januari 2019 dianggarkan 3.5 peratus pada April 2019 diturunkan ke 3.3 peratus. Ini menunjukkan ketidaktentuan ekonomi global dan perkembangan negatif di peringkat antarabangsa yang kian melemahkan prospek ekonomi di semua negara termasuk Malaysia.

Berdasarkan prestasi pertumbuhan ekonomi suku tahun pertama 2019 sebanyak 4.5 peratus, Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan positif bagi semua sektor kaedah pengeluaran kecuali sektor perlombongan dan pengkuarian. Seterusnya, pertumbuhan eksport Malaysia bagi bulan April 2019 juga telah meningkat 1.1 peratus kepada RM85.2 bilion berbanding RM84.2 bilion setahun lalu. Begitu juga dengan jumlah perdagangan Malaysia turut meningkat sebanyak 2.6 peratus kepada RM159.5 bilion bagi bulan April 2019 daripada RM155.5 bilion setahun lalu. Peningkatan eksport juga telah membolehkan Malaysia mencatatkan lebih dagangan setinggi RM10.9 bilion pada bulan April 2019. Ini menjadikan lebih dagangan untuk empat bulan pertama tahun 2019 sebanyak RM47.8 bilion, berbanding hanya RM46.4 bilion

NO SOALAN : 42

dalam tempoh yang sama tahun lepas. Lebih besar setakat April 2019 ini akan membantu memastikan supaya imbangan akaun semasa tahunan negara akan berada dalam keadaan lebihan, seterusnya melindungi Malaysia daripada pelbagai ancaman risiko luaran.

Oleh itu, kenyataan Yang Berhormat mengatakan ekonomi Malaysia merudum ekoran perubahan pucuk kepimpinan pentadbiran negara adalah tidak tepat kerana faktor politik bukanlah faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Realitinya, Malaysia terus mencatat pertumbuhan ekonomi yang teguh dan pertumbuhan berterusan ini membuktikan daya tahan ekonomi Malaysia walaupun menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperbaiki struktur ekonomi dan sosial termasuk reformasi fiskal bagi menangani krisis liabiliti hutang negara yang melebihi RM1 trilion yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu. Kerajaan juga akan terus memantau secara aktif pembangunan global dan impaknya terhadap ekonomi Malaysia untuk menilai keperluan pada masa hadapan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang akan dapat memanfaatkan negara serta kesejahteraan rakyat.